

Search Results

Berita Harian

Empat ketua setiausaha dilantik

Pelantikan berkuat kuasa semalam

24 Mar 2020 [+6 more](#) Oleh Rohaniza Idris dan Mohd Iskandar Ibrahim
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Ketua Setiausaha Negara, Datuk Seri Mohd Zuki Ali, mengumumkan pelantikan empat ketua setiausaha (KSU) baharu

kementerian yang berkuat kuasa semalam.

Katanya, Datuk Seri Dr Zaini Ujang dilantik sebagai KSU Kementerian Alam Sekitar; Datuk Seri Dr Mazlan Yusoff, KSU Kementerian Pengajian Tinggi; Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, KSU Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan serta Datuk Seri Mohammad Mentek selaku KSU Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi.

Mohd Zuki berkata, Zaini berpengalaman luas dalam bidang pendidikan khususnya teknologi air dan pernah berkhidmat sebagai



Mohammad Mentek

KSU Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air serta Kementerian Pengajian Tinggi.

“Semoga pelantikan ini, beliau

dapat melaksanakan tanggungjawab dalam memastikan kelestarian alam sekitar sentiasa terjaga demi kesejahteraan rakyat,” katanya dalam kenyataan, di sini.

Zaini, 55, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Kimia, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Ijazah Sarjana Kejuruteraan Persekitaran, Universiti Newcastle Upon Tyne dan Doktor Falsafah (PHD) dari Universiti Newcastle, United Kingdom (UK).

Beliau memulakan kerjaya sebagai



Zaini Ujang

pensyarah di UTM pada 6 Ogos 1988 sebelum menjadi Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Oktober 2011.

Sementara itu, Mohd Zuki

menganggap pelantikan Mazlan yang juga Ketua Pengarah, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia, Jabatan Perdana Menteri selaras dengan pewujudan Kementerian Pengajian Tinggi sebagai kementerian baharu.

“Saya percaya dengan pengalaman, pengetahuan dan kredibiliti Mazlan, beliau mampu membawa perubahan terhadap peranan institusi pengajian tinggi dalam pembangunan dan pemodenan pusat ilmu yang unggul dan seterusnya melahirkan modal insan yang berkualiti dan berupaya memacu pembangunan



Mazlan Yusoff

negara di masa hadapan,” katanya

Mazlan, 56, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sejarah (Kepujian)

dari Universiti Malaya, Ijazah Sarjana Polisi Sains dari Universiti Saitama, Jepun dan Doktor Falsafah dalam bidang Pengurusan dari Universiti Hull, United Kingdom.

Beliau berkhidmat dalam perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

Zainal Abidin, 58, pula pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Keselamatan), Kementerian Dalam Negeri.

Related Stories

Empat Ketua Setiausaha dilantik berkuat kuasa semalam

Utusan Borneo (Sabah) 24 Mar 2020

Salim dilantik Presiden Majlis Peguam

Berita Harian 15 Mar 2020

UMUM PAKEJ:

Utusan Borneo (Sabah) 26 Mar 2020

Tempatan dalam mentransformasikan persekitaran bandar lebih kondusif demi meningkatkan kualiti hidup serta kesejahteraan rakyat," katanya

Beliau berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Pembangunan Manusia dari Universiti Putra Malaysia dan Ijazah Sarjana Pentadbiran Awam dari Universiti New Haven, Connecticut, Amerika Syarikat.



Zainal Abidin Abu Hassan

sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 12 Januari 1988.

"Dengan pengalaman dan kredibiliti dimiliki Zainal Abidin, saya yakin beliau mampu

membawa Kementerian Perumahan dan Kerajaan

Zainal Abidin menyertai perkhidmatan awam selama 32 tahun dengan jawatan pertama

Berpengalaman luas dalam pelbagai bidang, termasuk kewangan, penyelidikan dan

penguatkuasaan serta pernah berkhidmat sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Kewangan dan Pembangunan), Jabatan Perdana Menteri.

Sementara itu, Mohammad, 56, yang juga bekas Ketua Setiausaha, Kementerian Perumahan dan

Kerajaan Tempatan, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains Matematik dan Ijazah Sarjana Sains Statistik dari Universiti Minnesota, Amerika Syarikat.

Mohd Zuki berharap dengan pelantikan ini Mohammad dapat

melahirkan lebih ramai usahawan dan koperasi yang berkredibiliti serta mampu bersaing di pasaran global dan mewujudkan ekosistem keusahawanan dan koperasi yang holistik dalam menyokong agenda pembangunan negara yang inklusif, berdaya maju dan mampan.

Beliau sudah berkhidmat dalam perkhidmatan awam 28 tahun sejak mula menyertai sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik pada 1 Oktober 1992.

Mempunyai pengalaman luas

dalam bidang pengurusan sumber manusia, penyelidikan dan dasar, Mohamad juga pernah bertugas sebagai Ketua Pengarah ESSCOM, Jabatan Perdana Menteri.

 Write a comment...

 Listen  Page View  Share  Save  More

 Upvote  Downvote